



## **TEKS UCAPAN**

**YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
BIL. 1 TAHUN 2014  
10 JANUARI 2014 (JUMAAT), 8.30 PAGI**

- 1. Terima kasih saudara Pengacara Majlis.**
- 2. Bismillahirrahmanirrahim**
- 3. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**
- 4. Yang Berbahagia, Dato' Haji Ismail bin Ibrahim, Ketua  
Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang,**

5. Yang Berbahagia Puan Siti Zawahir binti Mohamed,  
Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman,
6. Yang Berbahagia Puan Rohana binti Abdul Malek, Ketua  
Pengarah Insolvensi, Jabatan Insolvensi Malaysia,
7. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Jabatan,
8. Tuan-tuan dan puan-puan.

9. Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT atas limpah kurnia dan keizinan-Nya jua, saya dapat bersama-sama dengan semua warga Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl), dalam Perhimpunan Bulanan BHEUU yang pertama kali untuk Tahun 2014. Semoga perhimpunan seperti ini akan menambah-eratkan lagi hubungan silaturrahim sesama kita.

## **PENGHARGAAN & UCAPAN TAHUN BARU**

10. Sekali lagi kita zahirkan kesyukuran, dengan nikmat umur yang diberikan oleh-Nya, dapat kita bertemu dengan tahun baru 2014 ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua warga BHEUU, JBG dan Mdl. Kepada tuan-tuan dan puan-puan, apabila melangkah masuk ke tahun 2014 ini, besarlah harapan saya agar sinar kegemilangan dan kejayaan akan terus menerangi kehidupan kita semua, yang mempunyai amanah besar untuk meningkatkan

**akses perkhidmatan Kerajaan yang berkualiti di Negara kita.**

**11. Sesungguhnya, saya berasa bangga kerana pada hari ini warga ketiga-tiga Jabatan dapat berhimpun, untuk memperbaharui tekad dan menyuntik semangat baru, bagi melonjakkan mutu penyampaian perkhidmatan masing-masing. Sukacita saya rakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan, kepada teraju ketiga-tiga Jabatan, iaitu YBhg. Ketua Pengarah BHEUU, Ketua Pengarah JBG, Ketua Pengarah Insolvensi dan seluruh**

warga masing-masing, atas usaha gigih dan komitmen yang telah dicurahkan, kepada usaha untuk mencipta pelbagai kejayaan sepanjang tahun 2013.

12. Kepada tuan-tuan dan puan-puan yang baru menyertai keluarga besar BHEUU, JBG dan Mdl, selamat datang saya ucapkan. Semoga dengan kehadiran tuan/puan membantu meningkatkan lagi kecemerlangan Jabatan.

## **PENCAPAIAN 2013 - BHEUU**

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Sepanjang Tahun 2013 terdapat beberapa pencapaian yang cemerlang oleh rakan-rakan kita. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada YBhg. Dato' Haji Ismail dan pasukannya, atas penarafan Empat Bintang Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2012, yang telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara, pada bulan Februari 2013

hingga pertengahan bulan Mac 2013. Penarafan Empat Bintang tersebut dengan markah keseluruhan 94.8% iaitu Cemerlang-Sangat Baik, telah menjadikan BHEUU berada pada kedudukan ke-Tujuh Terbaik, daripada senarai keseluruhan Jabatan Persekutuan yang diaudit, dan ke-Tiga Terbaik dalam Jabatan Perdana Menteri. Yang lebih bermakna, berlakunya peningkatan di mana pencapaian pengauditan yang sama pada tahun 2008, hanya mencatatkan penarafan 3 bintang dengan markah keseluruhan 89%.

14. Saya juga amat berbangga apabila BHEUU diumumkan sebagai penerima, Naib Johan Anugerah Inovasi JPM 2012 bagi Kategori Most Promising, pada 1 Oktober 2013 lalu. Saya sendiri turut hadir dalam Majlis Kecemerlangan JPM tersebut menyaksikan, YBhg. KP BHEUU menerima hadiah yang disampaikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Saya difahamkan bahawa penyertaan BHEUU ke pertandingan tersebut telah disenaraipendek pada saat-saat akhir, untuk membuat pembentangan di hadapan panel penilai. Namun atas komitmen jitu ahli pasukan, sikap lebih

**berani untuk melakukan penambahbaikan, disamping mencari serta menggunakan kaedah yang lebih kreatif dan inovatif, tuan-tuan dan puan-puan telah berjaya mencipta kejayaan manis, bukan sahaja untuk Organisasi malah saya percaya, kejayaan terhadap pencapaian peribadi masing-masing.**

## **PENCAPAIAN 2013 - JBG**

**Hadirin hadirat sekalian,**

15. JBG juga telah mencatatkan beberapa kejayaan. Saya difahamkan bahawa dalam tahun 2013, bagi tujuan bantuan guaman kepada pemohon yang berkelayakan, **JBG telah mendaftarkan sebanyak 15,905 kes yang melibatkan:**

- i. **8,728 kes syariah,**
- ii. **4,577 kes sivil, dan**
- iii. **2,600 kes jenayah.**

Statistik khidmat nasihat guaman pula mencatatkan jumlah keseluruhan sebanyak 36,593 khidmat nasihat yang telah diberikan kepada masyarakat. Manakala pendaftaran pengantaraan telah mencatatkan sebanyak 5,257 kes berbanding 4,729 kes yang didaftarkan sepanjang 2012. Ini menunjukkan bahawa, keyakinan rakyat semakin meningkat terhadap keupayaan JBG,

dalam membantu mereka mendapatkan khidmat nasihat guaman.

16. Sesungguhnya pendekatan turun padang, membolehkan Kerajaan mendekati dan menyelami situasi sebenar yang dihadapi rakyat, sekaligus membolehkan perkhidmatan dan bantuan Kerajaan, disampaikan secara terus kepada golongan sasar. Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada JBG kerana telah mengambil inisiatif turun padang, memberi kesedaran

undang-undang kepada masyarakat. Program Kesedaran Masyarakat tersebut meliputi:

- i. Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia yang diadakan di mahkamah, penjara, pusat tahanan kanak-kanak serta tempat awam yang lain,dan
- ii. penerangan melalui pelbagai saluran seperti media massa, pusat khidmat setempat (secara berkala) serta penerbitan risalah.

**Statistik JBG merekodkan sejumlah 1,575 program kesedaran masyarakat telah diadakan, dengan jumlah pengunjung keseluruhan mencapai 19,002 orang. Jumlah ini telah melebihi sasaran Penunjuk Prestasi Utama (KPI) 2013 saya selaku Menteri di JPM, yang mana KPI yang ditetapkan ialah sebanyak 15,000 pengunjung. Terima kasih dan syabas saya ucapkan!**

17. Selain daripada kejayaan JBG mewujudkan sistem maklum balas pelanggan dalam talian yang dikenali

sebagai JBG4U, Jabatan ini juga telah berjaya menerbitkan dua (2) risalah baru berkaitan dengan ganti rugi pertunangan dan hutang perkahwinan; serta wasiat dan hibah, yang mana penerbitan ini selaras dengan pemerluasan bidang kuasa JBG. Tahniah kepada warga JBG!

## **PENCAPAIAN 2013 –Mdl**

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Saya telah dimaklumkan bahawa Mdl telah berjaya melepas sasaran sebanyak 109%, bagi memberi pelepasan kepada 16,394 individu yang bankrap melalui Sijil Pelepasan. Jumlah ini telah melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2013 iaitu 15,000 orang. Pencapaian ini merupakan sesuatu yang cukup membanggakan, apatah lagi ia melibatkan bantuan dan

khidmat yang diberikan Kerajaan kepada masyarakat umum di luar sana.

19. Saya juga difahamkan bahawa Mdl turut aktif menjalankan aktiviti promosi untuk mendekati rakyat, yang mana sehingga November 2013, sebanyak 197 aktiviti promosi yang melibatkan dialog interaktif, program *outreach*, media cetak dan media elektronik telah dilaksanakan dengan jayanya. Impak daripada program yang dijalankan tersebut:

- i. bilangan kehadiran bankrap bagi pentadbiran kes di Mdl telah meningkat sebanyak 51%, iaitu daripada 26,021 orang pada tahun 2012 kepada 39,279 orang pada tahun 2013,
- ii. bilangan pemfailan Penyata Hal Ehwal (PHE) oleh bankrap juga telah meningkat sebanyak 16% iaitu daripada 8,553 PHE pada tahun 2012 kepada 9,938 PHE pada tahun 2013, dan
- iii. peningkatan sebanyak 4% juga dapat dilihat dari aspek bilangan bankrap yang membayar ansuran

**bulanan iaitu 116,939 orang pada tahun 2012  
kepada 121,051 orang pada tahun 2013.**

**Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Mdl!**

**PENARAFAN 5 BINTANG PORTAL DAN LAMAN WEB –**

**BHEUU, JBG & Mdl**

***20. It's always nice to start the day morning with a lot of congratulatory messages.*** Oleh itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada ketiga-tiga Jabatan, atas penarafan **Lima (5) Bintang**, masing-masing terhadap Portal BHEUU dan Mdl, juga Laman Web JBG, dalam ***Malaysian Government Portal and Website Assessment 2013 (MGPWA 2013)*** yang telah diadakan baru-baru ini.

## **HARAPAN 2014**

**Warga BHEUU, JBG dan Mdl yang saya kasihi,**

**21. Dalam mendepani cabaran yang bakal mendaratang untuk tahun 2014, serta dalam rangka membina kejayaan yang berterusan, kita perlu mengambil iktibar dari pengalaman yang lalu, dan jadikan ia sebagai pengajaran. Mendiang Nelson Mandela ada menukilkan, “*after climbing a great hill, one only finds that there are***

*many more hills to climb".* Apa yang baik dan telah terbukti berjaya, perlulah kita berikan nilaitambah dan teruskan usaha. Segala kelemahan yang ada dibaiki, tanpa kita ketepikan elemen kreativiti dan inovasi. Sementara apa yang terbukti gagal, patut kita ambil teladan dan jangan biarkan ia terus kekal. Kita tak boleh berhenti sahaja di sana dan harus meneruskan usaha kita.

22. Kebetulan juga kita akan menyambut Hari Maulidur Rasul. Bersamalah kita mengambil iktihar dari Khutbal

terakhir Nabi Muhammad saw di mana di antaranya dikatakan, “Berwaspadalah terhadap Syaitan demi keselamatan agama kamu. Dia telah berputus asa untuk menyesatkan kamu dalam perkara-perkara besar, maka berjaga-jagalah supaya kamu tidak mengikuti perkara-perkara kecil.”

23. Dengan masyarakat kini yang semakin arif dan memahami hak mereka, adalah penting bagi warga ketiga-tiga Jabatan, untuk membentuk dan terus mengamalkan budaya kerja organisasi, yang

mengutamakan prestasi cemerlang, serta tingkah laku dan etika kerja yang berintegriti dan bermoral tinggi. Ini penting bagi memastikan setiap anggota organisasi, akan memberikan mutu kerja yang terbaik. Dalam organisasi yang mengamalkan budaya kerja berorientasikan prestasi, setiap kakitangan terikat untuk menyumbang prestasi kerja yang amat cemerlang. Budaya kerja sedemikian, menghargai individu yang cemerlang dan sumbangannya berpasukan. Ia juga menghargai sumbangan kakitangan ke atas semua kejayaan, dan tidak menganggap hanya ketua mahupun

**pengurus sahaja, yang bertanggungjawab bagi kejayaan tersebut.**

**24. Justeru saya menyeru semua warga BHEUU, JBG dan Mdl agar terus mengekalkan momentum kecemerlangan, dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, serta menyokong dan menjayakan agenda transformasi Kerajaan.**

**25. Bagi tahun 2014 juga, saya berharap lebih banyak jalinan kerjasama dengan semua pihak dapat dibuat, bagi memastikan penambahbaikan dan pemerkasaan sistem pentadbiran keadilan Negara terus dilaksanakan. Yang berat ayuh sama-sama kita pikul, dan yang ringan pula pakat ramai-ramai kita jinjing.**

## **PENUTUP**

**Hadirlin hadirat sekalian,**

26. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih, kepada semua warga BHEUU, JBG dan Mdl, yang telah berusaha membanting tulang dalam menjayakan pelbagai program pada tahun 2013. Tanamkanlah tekad dan iltizam untuk terus mendaki puncak kejayaan. Semoga usaha kita akan sentiasa diberkati Yang Maha Esa, dan segala perancangan kita akan berjalan dengan lancar,

**InsyaAllah. Sama-sama kita berdoa, *Bismillahi rahmani  
rahhim. Allahumma laa sahla illa maa ja'altahuu sahlan  
wa'anta taj-alul huzna izza shi'ta sahla.*** Ya Allah, tiada yang mudah, kecuali sesuatu yang Engkau jadikan mudah, Engkaulah yang menjadi yang susah itu mudah.

27. Terutama sekali kepada beberapa orang pegawai yang telahpun dipindahkan dan akan berpindah ke agensi-agensi lain, saya amat berterima kasih di atas sumbangan anda semua. Semoga selamat maju jaya di tempat baru.

- 28. Selamat Tahun Baru 2014.**
- 29. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.**

~ **TAMAT** ~